

UNTUK SIARAN SEGERA

25 JUN 2025

## **WANITA PEMACU TRANSFORMASI LANDSKAP KEJURUTERAAN**

**Petaling Jaya, 25 Jun 2025:-** Bersempena dengan sambutan tahunan ‘International Women in Engineering Day’ (INWED) 2025, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan PLUS Malaysia Berhad (PLUS) telah menganjurkan Forum INWED 2025 bertemakan ‘Grit, Grace & Growth’, bertempat di Dewan Bankuet, Persada PLUS, hari ini.

Buat julung kalinya diadakan, INWED 2025 bertujuan untuk mengangkat peranan wanita dalam bidang kejuruteraan di samping memberi inspirasi serta memperkasakan generasi muda untuk menceburi profesion yang selama ini didominasi oleh golongan lelaki.

Forum ini turut mendapat sokongan daripada UEM Group Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad, UEM Lestra Berhad, UEM Edgenta Berhad, Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA) dan UEM Sunrise Berhad.

Antara pengisian utama program ini ialah dua sesi forum yang menampilkan barisan panel wanita dalam sektor kejuruteraan, antaranya Zainora Zainal; Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Nik Airina Nik Jaffar; Pengarah Urusan PLUS, Dato' Rosalina Zainal; Penasihat Kanan The Lantau Group, Datuk Ir. Rosaline Ganendra; Pengarah Bertanggungjawab Ganendra Ahmad & Associates Sdn Bhd, Ir. Ts. Dr. Nadzrol Fadzilah Ahmad; Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Professor Ir. Dr. Zuhaina Haji Zakaria; Professor Fakulti Kejuruteraan Elektrik UiTM dan Raihana Ahmad; Pengarah Urusan Edgenta PROPEL Berhad.

Selain mengiktiraf peranan wanita, forum ini turut menyediakan platform kepada jurutera muda dan pelajar bidang kejuruteraan untuk membina rangkaian profesional, bertukar pandangan serta perkongsian pengalaman daripada tokoh-tokoh industri. INWED 2025 juga memberi fokus kepada cabaran sebenar yang dihadapi oleh wanita dalam bidang kejuruteraan serta berkongsi panduan dan sumber praktikal bagi membantu mereka untuk mengatasi cabaran tersebut.

Lebih 300 peserta menghadiri program ini, terdiri daripada jurutera-jurutera di Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Kerja Raya (JKR), CIDB, anak-anak syarikat di bawah UEM Group, PLUS serta pelajar-pelajar kejuruteraan daripada institusi pengajian tinggi tempatan.

Sementara itu, Ketua Eksekutif CIDB, Zainora Zainal turut menegaskan bahawa kepimpinan dalam bidang kejuruteraan bukan sahaja tertumpu kepada pembinaan infrastruktur semata-mata, tetapi ia juga tentang pembangunan insan. “Apabila wanita memimpin dengan visi dan integriti, ia sekali gus akan mengangkat martabat industri ini ke tahap lebih tinggi untuk semua,” tambah beliau.

Seiring dengan pandangan tersebut, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, Pengarah Urusan PLUS turut berkongsi tentang sifat-sifat kepimpinan yang membolehkan wanita mencipta impak yang bermakna.

“Untuk menjadi pemimpin berwawasan dan membawa perubahan, kecekalan dan keyakinan diri adalah asas yang penting. Hadapi cabaran, berkembang dengannya dan pimpin dengan tujuan. Suara dan tindakan kita dapat memberi impak positif kepada industri,” ujarnya.

Dengan sokongan pelbagai pihak, inisiatif seperti INWED 2025 diharap dapat menjadi landasan untuk memberi bimbingan, memperluaskan peluang dan menggalakkan lebih ramai wanita untuk cemerlang dalam bidang kejuruteraan, seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih lestari dan progresif.

-TAMAT-

**PERTANYAAN MEDIA:**

<b>Mashitah Mohd Arshad</b> Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	<b>Rofina Adam</b> Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---

FOR IMMEDIATE RELEASE

25 JUNE 2025

## **WOMEN AS THE DRIVING FORCE OF TRANSFORMATION IN THE ENGINEERING LANDSCAPE**

**Petaling Jaya, 25 June 2025:-** In conjunction with the annual celebration of International Women in Engineering Day (INWED) 2025, the Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) and PLUS Malaysia Berhad (PLUS) organised the INWED 2025 forum, themed “Grit, Grace & Growth,” held today at the Banquet Hall, Persada PLUS.

Held for the first time, INWED 2025 aims to highlight the contributions of women in engineering, while inspiring and empowering the next generation to pursue a profession that has traditionally been dominated by men.

The forum is supported by UEM Group Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad, UEM Lestra Berhad, UEM Edgenta Berhad, Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA), and UEM Sunrise Berhad.

Among the main highlights of the event were two forum sessions featuring female panellists from the engineering sector, including Zainora Zainal, Chief Executive of CIDB; Datuk Nik Airina Nik Jaffar, Managing Director of PLUS; Dato' Rosalina Zainal, Senior Advisor at The Lantau Group; Datuk Ir. Rosaline Ganendra, Director-in-Charge at Ganendra Ahmad & Associates Sdn Bhd; Ir. Ts. Dr. Nadzrol Fadzilah Ahmad, Deputy Director-General (Development) at the Malaysian Highway Authority (MHA); Professor Ir. Dr. Zuhaina Haji Zakaria, Professor at the Faculty of Electrical Engineering, UiTM; and Raihana Ahmad, Managing Director of Edgenta PROPEL Berhad.

Apart from recognising women, the forum also provided young engineers and engineering students with the opportunity to build professional networks, exchange ideas, and gain valuable insights from industry leaders. INWED 2025 further focused on the real-life challenges women face in engineering and offered practical guidance and resources to help overcome them.

More than 300 participants attended the programme, comprising engineers from the Malaysian Highway Authority (LLM), the Public Works Department (JKR), CIDB, UEM Group subsidiaries, PLUS, as well as engineering students from local institutions of higher education.

Meanwhile, the Chief Executive of CIDB, Zainora Zainal, emphasised that leadership in engineering is not only about building structures but also about developing people. “When women lead with vision and integrity, we elevate the industry for all,” she said.

Sharing a similar perspective, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, Managing Director of PLUS, spoke about the qualities that help women make a meaningful impact.

“To be a visionary leader and a driver of change, resilience and self-confidence are fundamental. Embrace challenges, grow through them and lead with purpose. Your voice and actions can create a positive impact on the industry,” she said.

With support from various parties, initiatives like INWED 2025 aim to provide guidance, broaden opportunities, and encourage more women to excel in engineering, ultimately contributing to a more sustainable and progressive national development.

-END-

**MEDIA CONTACT:**

<b>Mashitah Mohd Arshad</b> Acting Head Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Mobile: 013-209 7092 Email: mashitah@plus.com.my	<b>Rofina Adam</b> Manager Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Mobile: 012-657 4452 Email: rofina@plus.com.my
---	--